

MSWG

MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

The Buletin Rasmi MSWG
Observer

JUMAAT | 5 JULAI 2024

Waspada Terhadap
"Pakar" ESG



SOROTAN UTAMA

- Syarikat perlu berhati-hati apabila menggunakan khidmat 'pakar ESG' berikutan risiko kepakaran yang tidak mencukupi.
- Pembangunan kapasiti ESG dalaman adalah penting untuk pematuhan serta perancangan strategi jangka panjang yang mampan dan disesuaikan.


Dorongan untuk kelestarian di peringkat global menjadi semakin mendesak. Menurut Forum Ekonomi Dunia, kelestarian menjadi aspek kritikal dalam sesebuah organisasi supaya kekal relevan dan berdaya saing dalam dunia hari ini. Sama seperti transformasi digital, memacu kelestarian memerlukan organisasi untuk mengubah setiap bahagian perniagaan mereka.

Perjanjian Iklim Paris telah menggariskan dengan jelas bahawa kerajaan setiap negara perlu bertindak lebih tegas. Negara seperti Sweden dan Jerman telah meluluskan undang-undang yang mengikat negara itu secara sah untuk mencapai pelepasan sifar bersih menjelang tahun 2045, manakala UK, Kanada, Jepun dan beberapa negara lain telah menyatakan komitmen sifar bersih menjelang 2050. Taksonomi Kesatuan Eropah (EU) yang mengawal selia perniagaan berdasarkan aspek kelestarian alam sekitar mereka, memberi kesan bukan sahaja kepada perniagaan EU tetapi juga firma global yang menjalankan perniagaan di EU. Memandangkan banyak kerajaan sudah mengorak langkah ke arah kelestarian, organisasi perlu mula mengubah operasi mereka menjadi lebih mampan dan lestari. Organisasi yang proaktif tentang kelestarian akan memupuk hubungan yang lebih baik dengan badan pengawal selia.

Tekanan daripada pelabur adalah salah satu faktor paling berpengaruh yang membentuk anjakan ke arah kelestarian. Pelabur semakin memberi perhatian terhadap faktor persekitaran, sosial dan tadbir urus (environment, social and governance, ESG) apabila membuat keputusan pelaburan. Syarikat yang menunjukkan komitmen terhadap kelestarian sering dilihat sebagai peluang pelaburan yang menarik. Penyelidikan Gartner mendapati bahawa pada tahun 2020, 85% pelabur mempertimbangkan faktor ESG dalam pelaburan mereka, manakala 91% bank memantau prestasi ESG untuk setiap pelaburan. Selain itu, pemegang saham minoriti menyedari bahawa menangani isu kelestarian adalah sama pentingnya dengan prestasi kewangan dan operasi, kerana isu-isu ini boleh memberi kesan yang ketara kepada prestasi keseluruhan syarikat. Oleh itu, pemegang saham minoriti perlu bertanya dan mencabar lembaga pengarah dan pengurusan dalam mesyuarat agung tahunan (AGM) tentang cara syarikat menangani risiko dan peluang kelestarian serta strategi dan perancangan syarikat yang berkaitan kelestarian.

Tekanan untuk menerima pakai amalan kelestarian yang lebih baik sudah sampai ke tanah air kita. Rentetan daripada tekanan yang semakin meningkat daripada rakan perdagangan telah membawa kepada kewajiban untuk mematuhi peraturan domestik yang semakin berkembang untuk amalan ESG yang lebih baik. Eksport Malaysia berjumlah RM129.7B, sebahagian besarnya ke Singapura, China, Amerika Syarikat dan EU. Jumlah dagangan yang besar ini bermakna syarikat Malaysia perlu mematuhi piawaian dan jangkaan antarabangsa yang berkaitan amalan ESG. Contoh ketara ialah industri sarung tangan Malaysia, yang mana eksportnya dihentikan berikutan isu berkaitan pematuhan sosial. Insiden ini menekankan kepentingan amalan ESG yang teguh kerana kegagalan dalam aspek ini boleh menyebabkan gangguan perniagaan yang ketara serta kehilangan akses pasaran.

Dalam negara, pengawal selia telah mengenakan pelbagai syarat bagi mengukuhkan amalan, termasuk usaha menerima pakai IFRS S1 dan IFRS S2, yang menekankan keperluan amalan ESG yang mantap. Inisiatif ini mencerminkan trend global yang lebih meluas yang menyaksikan badan kawal selia semakin mengutamakan kelestarian. Syarikat yang gagal mematuhi peraturan ini berisiko menghadapi penalti, kehilangan keyakinan pelabur, seterusnya menjejaskan reputasi mereka.



Source: The Malaysian Sustainability Pulse Report, 2022

Seiring dengan peningkatan bilangan pengguna milenial dan Gen-Z, permintaan untuk produk lestari turut meningkat. Menurut Institut Penyelidikan Pasaran Modal (Institute of Capital Market Research), di Malaysia, 70% pelabur lebih cenderung untuk melabur dalam opsyen yang menyokong ESG, manakala 74% akan melabur dalam opsyen yang menyokong tujuan yang baik. Pemindahan kekayaan generasi ini menyediakan peluang yang penting bagi syarikat yang mengutamakan ESG, kerana pelabur yang lebih muda lebih cenderung untuk menyokong perniagaan yang sejajar dengan nilai mereka.

Menurut UN Global Compact, walaupun terdapat permintaan yang meningkat untuk keperluan ESG, hanya satu pertiga daripada syarikat Malaysia sudah pun memulakan inisiatif tersebut. Antara sebab di sebalik kurangnya pematuhan adalah keperluan untuk lebih banyak kapasiti bagi memahami bidang subjek ini, untuk menerapkan keperluan, mengenal pasti risiko serta mengembangkan lagi aspek yang berkaitan. Banyak syarikat memerlukan bantuan untuk menavigasi landskap ESG yang kompleks dan sentiasa berkembang, yang merangkumi pelbagai isu, daripada pelepasan karbon dan pengurusan sisa hinggalah kepada hak asasi manusia dan tadbir urus korporat.


Trajektori Perundingan ESG

Syarikat boleh menggunakan pihak luar bagi memudahkan proses khidmat nasihat, menyusun strategi dan mengurus hal ehwal ESG. Tidak dinafikan, trajektori perundingan ESG bersifat menaik. Memandangkan keperluan kawal selia semakin ketat dan penelitian pelabur semakin meningkat, syarikat menyedari bahawa ESG bukanlah sekadar trend tetapi aspek asas yang mendasari strategi perniagaan. Perunding ESG akan terus memainkan peranan yang penting dalam transformasi ini, membantu syarikat menavigasi kerumitan aspek kelestarian, tadbir urus yang beretika serta tanggungjawab sosial.

Penyelidikan terbaru Verdantix menunjukkan bahawa ESG dan pasaran perundingan kelestarian dijangka meningkat kepada \$16 bilion menjelang 2027. Ia berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan kompaun (compound annual growth rate, CAGR) sebanyak 17% setahun sehingga akhir 2027, yang bermakna pasaran akan meningkat 156% daripada saiznya pada 2021. Beberapa faktor mendorong pertumbuhan ini, termasuk peningkatan keperluan kawal selia, jangkaan pelabur serta permintaan pengguna untuk produk dan perkhidmatan yang lestari.

Kemunculan Golongan yang Mengaku Pakar ESG

Bagaimanapun, pertumbuhan pesat dalam pasaran perundingan ESG juga membawa kepada kemunculan golongan yang mengaku pakar ESG. Sebahagian daripada perunding ini, terutamanya daripada firma butik (firma kewangan kecil yang menawarkan pengurusan pelaburan, perbankan atau perkhidmatan kewangan yang khusus dan diperibadikan) sebenarnya terdiri daripada mereka yang mengaku sebagai pakar ESG sedangkan mereka tidak mempunyai kapasiti teknikal yang sesuai untuk memahami kerumitan isu yang berkaitan dengan sesebuah syarikat. Seseorang tidak boleh menjadi pakar dalam kesemua aspek ESG. Anda mungkin memahami aspek teknikal dalam pematuhan dasar, pelaporan, perdagangan karbon atau pengumpulan data pelepasan, tetapi itu hanyalah sebahagian daripada ESG. Bidang ini masih baharu dan orang ramai masih mencuba untuk memahami konsep itu serta mencari jalan untuk melaksanakannya dengan berkesan. Kita tidak mahu terjerat dalam perangkap yang digambarkan oleh John Godfrey Saxe dalam kisah perumpamaannya “Orang Buta dengan Gajah”



Kemunculan perunding yang tidak bertauliah ini mendedahkan syarikat kepada risiko yang besar. Melibatkan syarikat dengan perunding yang memerlukan lebih banyak kepakaran boleh menghasilkan strategi ESG yang berkesan atau sebaliknya. Syarikat mungkin melabur dalam inisiatif yang tidak mendatangkan manfaat yang diharapkan atau gagal memenuhi keperluan kawal selia. Selain itu, bergantung pada nasihat yang kurang tepat boleh merosakkan reputasi syarikat dan menghakis kepercayaan pihak berkepentingan.

Memilih Perunding ESG yang Tepat

Melihat kepentingan ESG dan potensi kesulitan yang timbul apabila melibatkan perunding yang tidak bertauliah, syarikat perlu mempertimbangkan beberapa faktor apabila mengenal pasti perunding yang sesuai untuk memberi nasihat tentang ESG atau perkara berkaitan kelestarian.

Kelayakan dan Pengalaman: Carilah perunding dengan kelayakan yang berkaitan serta rekod prestasi yang terbukti dalam ESG. Ini termasuk kelayakan akademik, pensijilan profesional dan pengalaman praktikal dengan syarikat lain dalam industri anda. Pastikan anda mengesahkan dakwaan perunding dan memastikan mereka mempunyai kepakaran yang diperlukan untuk menangani cabaran ESG yang spesifik untuk syarikat anda.

Pengkhususan: Pastikan perunding mempunyai kepakaran dalam bidang ESG khusus yang paling relevan dengan perniagaan anda. Pendekatan satu saiz untuk semua selalunya tidak praktikal, oleh itu pengetahuan yang khusus boleh mewujudkan perbezaan yang ketara. Sebagai contoh, syarikat dalam sektor pembuatan mungkin memerlukan kepakaran dalam pengurusan alam sekitar serta kemampuan rantai bekalan. Pada masa yang sama, firma perkhidmatan kewangan mungkin memerlukan nasihat mengenai tadbir urus dan pelaburan beretika.

Reputation and References: Semaklah reputasi perunding dalam pasaran. Dapatkan rujukan daripada perniagaan lain yang telah menggunakan perkhidmatan mereka dan tanyakan tentang pengalaman serta hasil perundingan dengan mereka. Testimoni positif dan kajian kes boleh memberikan pandangan yang berharga tentang keupayaan perunding serta keputusan yang telah dicapai untuk pelanggan lain.


Ketelusan dan Metodologi: Fahami metodologi perunding dan pastikan mereka telus tentang proses yang diguna pakai. Seorang perunding yang baik seharusnya dapat menerangkan pendekatan mereka dengan jelas dan cara ia disesuaikan untuk memenuhi keperluan syarikat anda. Ketelusan dalam metodologi memastikan cadangan perunding adalah berdasarkan prinsip yang kukuh dan boleh dilaksanakan dengan berkesan.

Penyepaduan dengan Strategi Perniagaan: Perunding perlu menunjukkan cara suatu amalan ESG boleh disepadukan ke dalam keseluruhan strategi perniagaan anda dan bukannya dianggap sebagai satu set aktiviti yang terpencil. Inisiatif ESG perlu sejajar

dengan matlamat dan objektif syarikat anda, seterusnya meningkatkan kelebihan daya saing serta penciptaan nilai dalam jangka panjang.


Kemahiran pakar luar sudah pasti melebihi tahap pengetahuan anda tetapi itu tidak bermakna mereka mengetahui perkara yang anda perlu tahu. Inilah sebabnya kami percaya kepentingan menggabungkan kepakaran ESG ke dalam operasi syarikat. Melibatkan perunding ESG luar boleh memberikan pengetahuan dan strategi yang diperlukan untuk memulakan inisiatif ESG. Bagaimanapun, bergantung semata-mata kepada pakar luar bukanlah strategi jangka panjang yang mampan. Syarikat perlu membangunkan kapasiti dalaman, kerana pasukan dalaman mempunyai pemahaman yang lebih mendalam tentang perniagaan, budaya serta dan cabaran unik untuk sesebuah organisasi. Pendekatan dwi ini membolehkan syarikat memanfaatkan kepakaran luaran, pada masa yang sama membangunkan asas dalaman yang kukuh untuk usaha ESG yang berterusan.

Dalam tinjauan yang dianjurkan oleh Kite Insight baru-baru ini ke atas lebih 7,000 pekerja dari industri berbeza mendedahkan penemuan yang mengejutkan. Responden yang mendakwa hanya berpengetahuan 'lebih kurang' tentang perubahan iklim merekodkan skor pengetahuan yang lebih tinggi berbanding mereka yang mendakwa sebagai 'agak' atau 'sangat' berpengetahuan dalam hal ini. Ini menyerlahkan isu yang kritikal, iaitu seseorang yang terlalu yakin dalam pengetahuan mereka tentang ESG dan perubahan iklim boleh menghasilkan penyelesaian yang tidak berkesan.



Menurut Profesor Andreas Rasche, ramai orang terlalu yakin dengan pengetahuan mereka tentang iklim. Fenomena ini dinamakan oleh ahli psikologi sebagai kesan "Dunning-Kruger". Kecenderungan kognitif ini bermakna mereka yang mempunyai tahap kecekapan yang lebih rendah dalam sesuatu bidang cenderung untuk meletakkan kepakaran mereka di tahap yang tinggi. Dalam konteks kelestarian, sifat terlalu yakin ini boleh menjadi sangat berbahaya kerana masalah berkaitan ESG sering memerlukan pengujian terhadap pengetahuan baharu serta menyedari bahawa sesetengah penyelesaian yang sedia ada perlu disemak semula dalam konteks tertentu.

The 'Dunning-Kruger' Effect



Evolusi pengetahuan kelestarian yang bergerak pantas menekankan peri pentingnya pembinaan kapasiti ESG dalaman dalam sesebuah syarikat. Dengan membangunkan kepakaran pasukan mereka, syarikat boleh memastikan bahawa strategi ESG mereka adalah yang terkini dan telah disesuaikan dengan keperluan khusus mereka. Terlalu bergantung kepada perunding luar boleh mengakibatkan penyelesaian generik yang mungkin tidak dapat menangani sepenuhnya cabaran syarikat yang unik. Tambahan pula, pasukan dalaman yang sentiasa mengemas kini pengetahuan dan kemahiran mereka akan lebih bersedia untuk menyesuaikan diri dengan trend dan peraturan yang baru muncul. Meskipun perunding ESG luar boleh memberikan bantuan dalam jangka pendek, namun pelaburan untuk membangunkan kapasiti dalaman adalah berbaloi untuk kejayaan kelestarian dalam jangka panjang.

Apabila tumpuan global terhadap kelestarian semakin meningkat, syarikat perlu mengemudi kerumitan ESG dengan berhati-hati serta merancang strategi yang berpandangan jauh. Walaupun perunding ESG luar boleh menawarkan kepakaran dan bimbingan yang berharga, namun kita perlu berwaspada terhadap pihak yang mengaku pakar dengan memastikan pemeriksaan dibuat secara menyeluruh. Pembangunan keupayaan ESG dalaman juga tidak kurang pentingnya, kerana ia membolehkan organisasi melaksanakan strategi yang disesuaikan, yang berkesan dan mampan, serta sejajar dengan keperluan unik dan matlamat jangka panjang mereka. Dengan mengimbangi sokongan luaran dengan kapasiti dalaman yang teguh, syarikat boleh mencapai pematuhan, meningkatkan kedudukan pasaran serta memacu kemajuan yang bermakna dalam perjalanan mereka menuju kelestarian.

Sumber:

1. <https://www.icmr.my/wp-content/uploads/2023/08/ESG-Integration-in-Malaysia.pdf>
2. <https://kiteinsights.com/hubfs/Every-Job-Is-A-Climate-Job-Kite-Insights.pdf>
3. <https://www.verdantix.com/insights/blogs/verdantix-forecasts-17-annual-growth-rate-in-esg-and-sustainability-consulting-spend-between-2022-and-2027>
4. <https://www.icmr.my/wp-content/uploads/2021/10/FINAL-VERSION-The-Rise-of-Millennial-and-Gen-Z-Investors.pdf>

Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 8 hingga 12 Julai 2024

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
03.07.24 (Rabu) 11.00 pagi	Sapura Industrial Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2024, Kumpulan mencapai keuntungan bersih yang lebih rendah sebanyak RM7.4 juta (tahun kewangan 2023: RM9.0 juta), terutamanya disebabkan oleh peningkatan kos elektrik akibat kenaikan tarif Pelepasan Kos Tidak Berimbang (<i>Imbalance Cost Pass-Through, ICPT</i>) oleh Tenaga Nasional yang berkuat kuasa Januari 2023, serta perbelanjaan peralihan yang berkaitan pemindahan kilang pegas gegelung dari Pelabuhan Klang ke Bangi.</p> <p>Di samping itu, keputusan untuk tahun kewangan 2023 termasuk keuntungan tidak berulang dan item yang tiada pada tahun kewangan 2024 iaitu keuntungan daripada jualan barisan <i>Cold Drawn Bar</i> berjumlah RM0.8 juta serta memasuk kira semula inventori dan hutang sebanyak RM1.2 juta.</p>
10.07.24 (Rabu) 11.00 pagi	KYM Holdings Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2024, KYM melaporkan pendapatan yang lebih rendah, berjumlah RM101.13 juta berbanding RM120.38 juta setahun yang lalu.</p> <p>Namun begitu, Syarikat mencatatkan keuntungan bersih yang lebih tinggi sebanyak RM13.05 juta (tahun kewangan 2023: RM8.93 juta), sebahagian besarnya</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		<p>disumbangkan oleh keuntungan tidak berulang daripada penjualan tanah.</p> <p>Jika dikecualikan keuntungan tidak berulang sebanyak RM15.28 juta ini, KYM akan mengalami kerugian pada tahun tersebut, yang tidak mampu menampung perbelanjaan operasi dan kos kewangan.</p>
<p>10.07.24 (Rabu) 11.00 pagi</p>	<p>Innature Berhad (EGM)</p>	<p>EGM ini berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan pengambilalihan 100% kepentingan ekuiti dalam Blu Restaurant Sdn Bhd (Blu Restaurant) dengan balasan tunai berjumlah RM21.25 juta. Blu Restaurant mengendalikan sebuah restoran di bawah nama francais "Burger & Lobster" di pusat beli-belah Suria KLCC. Tambahan pula, Blu Restaurant adalah pemegang hak eksklusif untuk mengendali dan membangunkan rangkaian restoran "Burger & Lobster" di Vietnam, Indonesia dan Malaysia.</p> <p>Selain itu, EGM ini juga bertujuan memohon kelulusan bagi cadangan mempelbagaian untuk memasukkan usaha dan penyediaan perkhidmatan makanan dan minuman serta aktiviti berkaitan. Cadangan mempelbagaian ini akan membolehkan Kumpulan melaksanakan cadangan pengambilalihan yang dijangka dapat menyediakan saluran pendapatan tambahan.</p>
<p>11.07.24 (Khamis) 02.30 petang</p>	<p>XOX Berhad (EGM)</p>	<p>Syarikat mencadangkan penyatuan saham yang mana setiap 30 saham sedia ada yang dipegang akan disatukan menjadi satu saham.</p> <p>Bilangan saham yang lebih rendah dalam pasaran boleh mengurangkan turun naik harga dagangan untuk saham tersebut.</p>

Perkara Penting	
Syarikat	Perkara/Isu Penting Untuk Diketengahkan
Sapura Industrial Berhad (AGM)	<p>Permintaan yang kukuh untuk kenderaan baharu menekan kebanyakan Pengilang Peralatan Tulen (<i>Original Equipment Manufacturers</i>, OEM) dan ekosistem rantaian bekalan vendor dan pembekal untuk beroperasi pada kapasiti hampir penuh, menunjukkan daya tahan dan kekuatan penyampaian. (Sumber: Tinjauan Pasaran Persatuan Automotif Malaysia (<i>Malaysian Automotive Association</i>, MAA) 2023). (Halaman 28, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Adakah Kumpulan beroperasi pada kapasiti hampir penuh pada tahun kewangan 2024, hasil daripada permintaan yang menggalakkan untuk kenderaan bermotor baharu? Jika ya, pada kapasiti apakah kumpulan itu beroperasi? Jika tidak, apakah sebabnya?</p> <p>b) Adakah Kumpulan dijangka terus menikmati pertumbuhan yang lebih kukuh dalam pendapatan dan keuntungan pada tahun kewangan 2025? Jika ya, sila berikan sebabnya.</p>
KYM Holdings Berhad (AGM)	<p>1. Pada tahun kewangan 2024, KYM melaporkan pendapatan yang lebih rendah iaitu RM101.13 juta berbanding RM120.38 juta setahun yang lalu. Kedua-dua bahagian Guni Kertas Kegunaan Perindustrian (Guni Kertas) dan Kotak Karton merekodkan jualan yang lebih rendah. Penurunan ini dilihat amat ketara dalam bahagian Guni Kertas yang menyusut 15.21% tahun ke tahun.</p> <p>Bagaimanapun, Syarikat mencatatkan keuntungan bersih yang lebih tinggi sebanyak RM13.05 juta (tahun kewangan 2023: RM8.93 juta), sebahagian besarnya disumbangkan oleh keuntungan tidak berulang daripada penjualan tanah.</p> <p>a) Jika dikecualikan keuntungan tidak berulang ini, KYM akan mengalami kerugian sepanjang tahun dengan untung kasar sebanyak RM10.9 juta, yang tidak dapat menampung perbelanjaan operasi dan kos kewangan (Halaman 72, Laporan Tahunan 2024).</p>

Perkara Penting	
Syarikat	Perkara/Isu Penting Untuk Diketengahkan
	<p>Bagaimanakah prestasi KYM jika tiada keuntungan tidak berulang ini pada tahun kewangan 2025?</p> <p>b) Pada suku pertama tahun kewangan 2024, KYM melaporkan penurunan yang marginal dalam pendapatan disebabkan oleh jualan yang lebih rendah oleh bahagian Kotak Karton, namun sebahagiannya diimbangi oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada bahagian Guni Kertas.</p> <p>Namun begitu, segmen Pembuatan (yang merangkumi bahagian Guni Kertas dan Kotak Karton) melaporkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1.65 juta berbanding kerugian sebelum cukai sebanyak RM1.016 juta pada tahun sebelumnya. Adakah momentum sedemikian dapat dikekalkan sepanjang tahun kewangan 2025?</p> <p>Adakah Syarikat menjangkakan untuk melihat pemulihan dalam jualan untuk bahagian Guni Kertas dan Kotak Karton selepas penurunan drastik pada tahun kewangan 2024? Adakah Syarikat mula mengalami kesan limpahan daripada pemulihan dalam aktiviti pembinaan dalam negara? Berapakah kadar penggunaan untuk kilang KYM di Selangor dan Perak?</p> <p>2. Gangguan dalam rantaian bekalan global, turun naik dalam harga gulungan kertas dan ringgit yang lemah mendatangkan cabaran yang besar kepada operasi bahagian Guni Kertas.</p> <p>Sementara itu, krisis Laut Merah memburukkan lagi gangguan rantaian bekalan, yang menyebabkan kos logistik menjadi lebih tinggi serta masa penghantaran yang lebih lama yang disebabkan oleh lencongan laluan. Ini mengakibatkan kelewatan penghantaran bahan mentah yang diperoleh dari Eropah.</p>

Perkara Penting	
Syarikat	Perkara/Isu Penting Untuk Diketengahkan
	<p>a) Sejauh manakah perbezaan dalam kos logistik dan masa menunggu sebelum dan selepas krisis itu?</p> <p>b) Adakah terdapat sebarang kebimbangan berhubung bekalan bahan mentah yang disebabkan oleh kenaikan kos dan masa menunggu yang lebih lama? Apakah nisbah pusing ganti inventori bahan mentah semasa?</p> <p>c) Kumpulan sedang mendapatkan bekalan alternatif dari Amerika Utara. Adakah kualiti bahan ini setanding dengan yang diperoleh dari pembekal Eropah? Sejauh manakah perbezaan kos antara kedua-duanya?</p>
Innature Berhad (EGM)	Melihat dari segi prospek industri F&B di Malaysia, Indonesia dan Vietnam, berapa banyak restoran mewah dengan perkhidmatan lengkap dalam kategori yang sama seperti "Burger & Lobster" telah dibuka pada 2022 dan ditutup pada 2023?

Pengumuman



PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai: syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.